

# Dua aplikasi terbaru untuk MSC

Oleh Hizral Tazzib Hisham

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) akan mempunyai dua aplikasi terbaru iaitu Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Pusat Inovasi Kesihatan dan Enterpris Perubahan (Chimes) yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena mesyuarat kali keenam Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP) pada 4 hingga 7 September ini.

Pengurus Kanan Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Ng Wan Peng, berkata Pusat Aplikasi Perdana MSC itu mempunyai Pusat Pembangunan Kreatif bagi Realiti Virtual dijangka beroperasi penghujung bulan depan.

"Pusat berkenaan diwujudkan untuk menyokong aplikasi perdana MSC terutamanya bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) di samping bertindak sebagai pusat rujukan bagi inovasi terbaru dan amalan terbaik dalam bidang pembangunan aplikasi," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena pra oelancaran Ekspo MSC '2062 yang berlangsung dalam Minggu ICT Malaysia 2002 bermula pada 3 hingga 6 September ini di Pusat Pameran The Mines Seri Kembangan, Serdang. Minggu ICT Malaysia dijangka dilancarkan oleh Menteri Tenaga, Ko-

munikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Ng berkata, Chimes dijangka beroperasi sepenuhnya penghujung tahun ini dan berorientan untuk membantu aplikasi perdana teleperubatan, terutama aktiviti P&P bagi penyelesaian teleperubatan dan konsep masa depan dalam bidang teleperubatan.

Sementara itu, pameran aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) akan dapat melenyapkan kritikan yang dilemparkan terhadap projek berkenaan, kerana semua aplikasi dipamerkan pada Ekspo MSC 2002 sempena Minggu ICT Malaysia dan persidangan panel penasihat Antarabangsa MSC (IAP) yang bermula pada 3 hingga 6 September ini, sedang beroperasi.

Naib Presiden Kanan Undang-Undang MDC, Narayanan Kanan, berkata Dengan mengunjungi pameran Ekspo MSC 2002 akan dapat menyaksikan sendiri penggunaan aplikasi berkenaan seperti kad pintar pelbagai guna, Sistem Pemantauan Projek II, teleperubatan, sekolah bestari dan kerajaan elektronik.

"Selama ini, MSC dikritik ramai pihak. Bagi melenyapkan kritikan itu, orang ramai dipelawa melihat sendiri pameran Ekspo MSC 2002 yang akan berlangsung di Pusat Pameran The Mines dan mendapatkan maklumat terkini perkembangan aplikasi perdana berkenaan.

"Satu daripada aplikasi yang akan dipamerkan ialah peluang pekerjaan ditawarkan pasaran yang dikenali sebagai projek ELX merangkumi pangkalan data pasaran sumber manusia (LMD), sistem kelulusan pekerjaan (JCS), sistem sokongan produktiviti pejabat (OPSS) Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Buruh," katanya.

Dianggarkan sebanyak 20,000 pelawat dijangka mengunjungi pameran selama empat hari itu merangkumi seminar kemuncak perniagaan IAP, forum ACM, persidangan NECW, persidangan Multimedia Asia dan Puspanita Kebangsaan.

Katanya, pengunjung boleh menyaksikan sendiri bagaimana kemampuan kad pintar MyKad beroperasi disamping projek kerajaan elektronik lain seperti persekitaran pejabat umum, sistem pengurusan dokumen kerajaan secara elektronik.

"Pengunjung juga boleh menyaksikan aplikasi sekolah bestari merangkumi sistem pengurusan sekolah, sistem bersepadu dan perkhidmatan sokongan," katanya.

Beliau berkata, bagi aplikasi teleperubatan pengunjung boleh menyaksikan dan mencuba prototaip Pelan Penjagaan Kesihatan Peribadi Sepanjang Hayat di samping sistem maklumat klinikal yang sedang beroperasi di tempat percubaan seperti pusat kesihatan Hulu Langat.